

**Teks Ucapan Perasmian Seminar Kebangsaan Arkib 2023**

**DR DAYANG SITI NORKHALBI BINTI HAJI WAHSALFELAH**

**Pemangku Setiausaha Tetap**

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

Tarikh: 23 Rabiulakhir 1445/ 07 November 2023

Tempat: Bilik Senat, Aras 1, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam

---

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين

والصلوة والسلام على اشرف الانبياء والمرسلين

وعلى الاه وصحبه اجمعين

Yang Mulia Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Türkiye ke Negara Brunei Darussalam

Yang Mulia Dr Hazri bin Haji Kifle, Naib Canselor, Universiti Brunei Darussalam

Yang Mulia Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus, Pemangku Pengarah Muzium dan Yang Mulia Dr Md Hairul Azrin bin Haji Besar, Pengarah Pusat Pengajian Islam Sultan Omar Ali Saifuddien selaku Pengerusi Bersama Seminar Kebangsaan Arkib 2023

Para Pegawai, Kakitangan, Mahasiswa-Mahasiswi,

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, Syukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan taufik, inayah dan izinNya juga, dapatlah kita sama-sama berada di Majlis Perasmian Seminar Kebangsaan Arkib 2023, anjuran bersama Arkib Negara Brunei Darussalam dan Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam dengan kerjasama Kedutaan Republik Türkiye ke Negara Brunei Darussalam.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan berbanyak-banyak terima kasih kepada penganjur Seminar kerana sudi mengundang saya dalam acara ini dan seterusnya merasmikan majlis ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Arkib Negara merupakan pusat repositori rekod yang mengandungi nilai kebangsaan dan sejarah. Dari itu, Arkib Negara berperanan mengumpul, menyimpan, memelihara dan memberi akses koleksi-koleksi ini kepada penggubal-penggubal dasar, para penyelidik, para mahasiswa dan orang awam. Ini kerana, koleksi-koleksi yang mempunyai nilai kebangsaan dan sejarah boleh dijadikan panduan dan rujukan generasi akan datang mengenai sejarah, tradisi dan budaya dalam memahami dan menghargai budaya negara.

Justeru itu, Arkib Negara perlu berpandangan lebih jauh dengan melaksanakan pendekatan kontemporari dan inovatif dalam pengurusan sumber-sumber yang dinamik dalam membentuk masa depan. Antaranya ialah dari segi penerapan Maqasid al-Shariah kepada peranan Arkib Negara dalam memelihara warisan budaya. Arkib Negara beperanan sebagai penggerak untuk memelihara dan menggalakkan akal atau ilmu, yang dengannya ilmu masa lalu akan terus memberi manfaat dan memperbaiki keadaan masyarakat. Selain itu, Arkib Negara juga boleh dianggap sebagai pemudah cara ke arah mencapai Maqasid sebagai ejen yang mengendali data berkenaan dengan agama, nyawa, termasuk keselamatan, kesihatan dan alam sekitar, masyarakat dan ekonomi sesebuah negara.

Selain itu, Arkib Negara juga perlu bekerjasama dengan institusi lain untuk membangunkan program dan pameran bersama bagi melestarikan warisan budaya negara. Kerjasama ini akan mengukuhkan impak usaha pemeliharaan budaya dan menyediakan lebih banyak peluang kepada orang ramai untuk melibatkan diri dengan budaya mereka.

Alhamdulillah, Seminar Kebangsaan Arkib 2023 pada hari ini dilihat sebagai satu usaha kolektif bagi pertukaran pendapat dan interaksi di antara golongan profesional, penyelidik, penggubal dasar dalam memahami kepentingan arkib negara sebagai repositori rekod sejarah, dokumen dan bahan-bahan yang lain.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Pada 07 Mac 2023, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

telah menandatangani dua dokumen perjanjian iaitu Protokol mengenai kerjasama di antara Arkib Negara Brunei Darussalam dan Direktorat Arkib Negara Kerajaan Republik Türkiye dan Memorandum Persefahaman Kerjasama Kebudayaan. Inisiatif mengadakan seminar ini terhasil dari perbincangan awal di antara saya dengan Tuan Yang Terutama Profesor Dr Hamit Ersoy, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Türkiye semasa Majlis Perasmian Sudut Bacaan Türkiye di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka pada bulan Jun 2023 sebagai usaha awal merealisasikan protokol kerjasama yang telah ditandatangani. Alhamdulillah, pada hari ini, kita berbesar hati di atas kesudian Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Türkiye ke Negara Brunei Darussalam untuk berkongsi sama mengenai bidang kearkiban. Selain itu, para peserta juga akan dapat mendengarkan pembentangan daripada pensyarah-pensyarah Pusat Pengajian Islam SOAS. Pembentangan daripada Tuan Yang Terutama dan pensyarah-pensyarah berkenaan ini diharap akan dapat memberikan peluang kepada para peserta seminar untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai bidang pengurusan rekod dan pentadbiran arkib atas dasar kemanfaatan bersama.

Saya juga difahamkan pada Seminar Kebangsaan Arkib 2023 kali ini, pameran yang dianjurkan oleh Arkib Negara Brunei Darussalam, Pusat Pengajian Islam Sultan Omar ‘Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam dan kedutaan Republik Türkiye ke Negara Brunei Darussalam ini menggabungkan budaya dan ilmiah. Melalui pameran ini diharap akan dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan memelihara dan menghayati budaya kebangsaan melalui bahan-bahan arkib seperti manuskrip, audio visual dan lain-lain.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Arkib Negara Brunei Darussalam dan Pusat Pengajian Islam Sultan Omar Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam atas penganjuran seminar kebangsaan Arkib 2023 dengan sokongan Kedutaan Republik Türkiye di Brunei Darussalam. Saya berharap inisiatif selanjutnya akan dapat dirancang dan dilaksanakan bagi memanfaatkan protokol kerjasama yang telah ditandatangani di antara kedua-kedua pihak.

Dengan berselawat ke atas Rasulullah S.A.W, Allahumma Sali ‘ala saidina Muhammad, wa ala alihu wassalim, saya sukacita merasmikan Seminar Kebangsaan Arkib 2023.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.